



PROTON

Siaran Akhbar

PROTON KEKAL MENDAHULUI DENGAN JUMLAH CAWANGAN 3S/4S PALING BANYAK BEROPERASI DI SELURUH NEGARA

- Ultra Gallant Sdn Bhd membuka pusat 3S PROTON baharu di Seremban

Seremban, 18 Ogos 2019 – Ultra Gallant Sdn Bhd (Ultra Gallant) dengan jayanya telah membuka sebuah cawangan 3S PROTON baharu di Taman Perindustrian Oakland, Seremban. Cawangan baharu ini menawarkan kemudahan jualan, servis dan alat-alat ganti untuk semua jenis kereta Proton. Anggaran sebanyak RM4 juta telah dilaburkan untuk membina cawangan baharu ini. Terletak di kawasan yang strategik, cawangan ini dikelilingi pelbagai pusat membeli-belah baharu dan berhampiran dengan perbandaran Seremban 2. Cawangan ini juga mempunyai keluasan lebih daripada 20,000 kaki yang meliputi 1.15 ekar, menjadikannya salah satu pusat 3S PROTON terbesar di negeri ini.

Pusat sehenti bagi memenuhi keperluan dan permintaan pelanggan

Cawangan 3S ini menyediakan pengalaman baharu dari segi jualan dan servis kepada para pelanggan. Bangunan baharu dengan warna Identiti Korporat PROTON memberikan suasana yang segar serta turut dilengkapi kemudahan lain seperti WiFi percuma dan ruang kanak-kanak yang akan menambah keselesaan kepada pelanggan.

Inisiatif yang diambil dalam pemulihan PROTON kini mendatangkan hasil kepada Syarikat, dari peningkatan rangkaian cawangan sehinggalah pelancaran produk-produk baharu. Bagi Khoo Kim Hong, Pengarah Urusan Ultra Gallant Sdn Bhd, beliau percaya bahawa, "Melabur dalam pemiagaan PROTON adalah keputusan yang tepat. Melalui pelancaran produk-produk baharu serta pertambahan pusat sehenti untuk memenuhi keperluan pelanggan, inisiatif yang diambil oleh PROTON ini memberikan hasil yang memuaskan. Sebagai pengedar, kami dapati bahawa arah yang hendak dituju sangat jelas. Sebuah syarikat kereta memerlukan kereta yang dilengkapi teknologi termaju untuk dijual, dan PROTON faham akan kehendak itu. Kami berharap dengan cawangan baharu ini kami dapat menyumbang ke arah misi PROTON untuk terus memperoleh pegangan pasaran yang lebih besar".

PROTON kekal mempunyai cawangan 3S/4S terbanyak di seluruh negara

Dengan pembukaan cawangan baharu ini di Seremban, PROTON kekal mendahului dengan mempunyai cawangan 3S/4S terbanyak berbanding jenama automotif lain. Syarikat ini mempunyai 100 cawangan yang telah dipertingkat beroperasi di seluruh negara.

"Apa yang telah kami capai adalah hasil kerja keras, dedikasi dan komitmen oleh seluruh keluarga PROTON iaitu dari pembekal, pengedar dan warga kerja di Syarikat. Dari peringkat awal lagi, kami percaya bahawa untuk maju, kami memerlukan jumlah cawangan yang mencukupi, produk yang baik, teknologi yang hebat dalam kereta dan pekerja yang mampu untuk mencapai matlamat syarikat. Hasilnya telah terbukti sendiri. Jualan Syarikat telah melonjak naik dan kami berjaya menduduki semula tempat kedua sejak April tahun ini. Jumlah jualan bagi akhir bulan Julai mencecah 52,269 unit berbanding 35,561 dalam tempoh sama tahun lepas, bersamaan kenaikan sebanyak 47% bagi keseluruhan jualan tahun ke tahun," kata Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

- Tamat -



M/s 2 Dari 2

PROTON KEKAL MENDAHULUI DENGAN JUMLAH CAWANGAN 3S/4S PALING BANYAK BEROPERASI DI SELURUH NEGARA

Mengenai PROTON

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga. Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5-Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.proton.com>.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Lim Ai Mee di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com
- Julaiha Jamaldin di hp 011-2885 4300/ tel: 03-8026 9697 / julaiha@proton.com